



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



GARIS PANDUAN

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN UMS

SYARAT DAN TERMA PERADUAN

- I. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh pelajar dan kakitangan UMS,
- II. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.
- III. Semua ciptaan mestilah **baru** dan **asli** dan tidak ditiru dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara.
- IV. Semua logo yang diterima oleh Urusetia akan menjadi hak milik Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan. Melalui penyertaan pertandingan ini, segala hak cipta hasil kerja diberikan kepada Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan dan peserta tidak memiliki sebarang hak tuntutan terhadap karya ataupun hasil kerja yang diserahkan kepada Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan bagi pertandingan ini. Bagi logo yang terpilih, Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan akan berhak ke atas logo tersebut dan akan mempunyai kuasa untuk meminda ataupun mengubahsuai bagi maksud menggunakan ataupun mencetaknya.
- V. Keputusan pengadil adalah muktamad dan hanya seorang (1) pemenang sahaja yang akan dipilih. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM300.00 dan sijil penghargaan.
- VI. Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga atas alasan pelanggaran hak cipta. Dalam keadaan sedemikian, Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan akan berhak ataupun berkuasa untuk membawa tindakan terhadap peserta yang menghantar penyertaan yang melanggar hak cipta pihak yang lain.
- VII. Semua reka bentuk logo hendaklah sampai ke alamat emel fpsk.circulation@ums.edu.my sebelum atau pada **13 Mei 2019**.

SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- I. Reka Bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen berunsur fitnah, hasutan ataupun yang boleh dianggap sebagai sensitif dan boleh menyinggung perasaan mana-mana pihak.
- II. Setiap penyertaan digalakkan menggunakan grafik komputer dan juga disediakan dalam bentuk softcopy menggunakan format EPS/PDF serta PNG (alpha background). Saiz logo tersebut tidak melebihi 200 mm (tinggi) x 200 mm (lebar) bersamaan 567 pixel x 567 pixel. Saiz file tersebut mesti tidak melebihi 3 MB.
- III. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- IV. Logo seharusnya menggambarkan objektif dan imej kerjasama pihak berkepentingan.
- V. Rekabentuk logo hendaklah menggunakan sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi empat (4) warna.
- VI. Paparan rekabentuk logo hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas
- VII. Mengandungi logo *The cudaceus, symbol of medicine*.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



CARA MENYERTAI

- I. Peserta perlu melengkapkan borang penyertaan dan rekacipta nama dan logo tersebut dihantar dalam bentuk *softcopy* ke alamat emel fpsk.circulation@ums.edu.my.
- II. sebarang maklumat lanjut sila berhubung terus dengan En.Hasmi Hashim (611006), En.Symus Saulin(611039).